



WARISAN TC HOLDINGS BERHAD DAN KUMPULAN SYARIKATNYA

Tatakelakuan Perniagaan untuk Pihak Ketiga

No. Polisi :	WTCH/GLCRM/GL/P001
No. Semakan:	0/2023
Diluluskan oleh:	Lembaga Pengarah
Tarikh Kuat Kuasa:	28 Ogos 2023

PENTADBIRAN

[illegible]

1. SKOP TATAKELAKUAN INI

- 1.1 Tatakelakuan Perniagaan untuk Pihak Ketiga ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Tatakelakuan**") dirancang untuk menetapkan garis panduan dan amalan perniagaan yang baik dalam urusan perniagaan Pihak Ketiga dengan Kumpulan WTC.
- 1.2 Dalam Tatakelakuan ini, "**Kumpulan WTC**" merujuk kepada Warisan TC Holdings Berhad (No. Pendaftaran 199701009338 (424834-W)), semua syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat yang WTCH, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan mengawal, atau memiliki tidak kurang daripada tiga puluh peratus (30%) jumlah modal diterbitkan syarikat tersebut.
- 1.3 Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pihak (bukan pekerja Kumpulan WTC) atau entiti yang mempunyai urusan dengan Kumpulan WTC dan/atau menyediakan kerja, produk, bahan atau perkhidmatan atau bertindak untuk atau bagi pihak Kumpulan WTC ("**Urusan Perniagaan**"), termasuk tetapi tidak terhad kepada rakan kongsi perniagaan, rakan kongsi usaha sama, orang tengah, kontraktor, perunding, penasihat, ejen, vendor, pembekal, penyedia perkhidmatan, pengedar, peniaga dan pekerja masing-masing, Ahli Gabungan (seperti yang ditakrifkan di bawah), sub-kontraktor (secara kolektif, dirujuk sebagai "**Pihak Ketiga**").
- 1.4 Tatakelakuan ini bertujuan untuk membantu Pihak Ketiga mematuhi piawaian etika perniagaan yang dipatuhi oleh Kumpulan WTC. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa Tatakelakuan ini tidak bertujuan untuk menyediakan amalan atau dasar yang rinci dan tegas untuk merangkumi setiap situasi yang mungkin dihadapi oleh Pihak Ketiga.
- 1.5 Adalah menjadi tanggungjawab Pihak Ketiga untuk (i) membaca dan memahami kandungan Tatakelakuan ini dan (ii) bertindak mengikut dasar dan amalan Tatakelakuan ini dan seperti yang mungkin dikeluarkan dan/atau dipinda dari semasa ke semasa oleh Kumpulan WTC.
- 1.6 Sekiranya Pihak Ketiga mempunyai sebarang kebimbangan, pertanyaan, pengetahuan atau maklumat yang berkenaan dengan apa-apa amalan perniagaan yang tidak beretika atau disyaki melanggar Tatakelakuan ini, Pihak Ketiga hendaklah memaklumkan kepada Kumpulan WTC dengan segera melalui saluran berikut:

Mod	Penerangan
E-mel Aduan Khas Kumpulan WTC	wtch.scp@warisantc.com
Hotline Aduan Khas Kumpulan WTC (Bebas Tol)	1800-888-245
Borang Dasar Aduan Khas Kumpulan WTC (Versi Cetak)/ Borang Dalam Talian Dasar Aduan Khas Kumpulan WTC	Borang Dasar Aduan Khas e-Borang Dasar Aduan Khas
Sila hantar laporan kepada: Jika GIO terbabit, sila hantar laporan kepada:	Pegawai Integriti Kumpulan (GIO) Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga, c/o Jabatan Setiausaha Kumpulan WTC
Alamat:	No. 62-68, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur

2. ASET DAN HARTA

- 2.1 Apabila Kumpulan WTC menyediakan aset dan hartanya ("**Aset**") kepada Pihak Ketiga seperti produk dan perkhidmatan, kenderaan, kad akses/keselamatan, peralatan dan kemudahan untuk tujuan Urusan Perniagaan, Pihak Ketiga hendaklah:
- (i) bertanggungjawab untuk melindungi Aset yang dipertanggungjawabkan oleh Kumpulan WTC daripada sebarang kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, penggunaan haram dan kecurian.
 - (ii) hanya menggunakan Aset untuk tujuan perniagaan rasmi yang berkaitan dengan Kumpulan WTC dan Urusan Perniagaan serta untuk memajukan kepentingan perniagaan Kumpulan WTC.
- 2.2 Semua Aset hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan dan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak yang dimeterai antara Kumpulan WTC dan Pihak Ketiga. Aset tersebut tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan lain atau atas sebab peribadi dan tidak boleh dialih keluar dari premis Kumpulan WTC tanpa kebenaran bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu. Sebarang pengalihan Aset juga tertakluk pada syarat yang mungkin dikenakan oleh Kumpulan WTC dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada mengkehendaki Pihak Ketiga menginsurankan Aset tersebut dan mematuhi garis panduan mengenai pengangkutan, penggunaan dan/atau penyimpanan Aset.
- 2.3 Mana-mana Aset yang telah dialih keluar dari premis Kumpulan WTC dengan kebenaran bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Kumpulan WTC apabila ia tidak lagi diperlukan untuk kegunaan Urusan Perniagaan atau selepas penamatan kontrak atau tamat tempoh kontrak (mengikut keadaan).
- 2.4 Sekiranya perlu bagi Pihak Ketiga menggunakan mana-mana perisian pada Aset untuk tujuan penggunaan Aset tersebut dan tertakluk pada kelulusan bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu, mereka hanya boleh menggunakan perisian yang dibangunkan atau dimiliki oleh atau dilesenkan kepada Pihak Ketiga untuk digunakan pada Aset tersebut.
- 2.5 Pihak Ketiga tidak boleh:
- (i) menyalin bahan berhakcipta Aset tanpa kebenaran bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu;
 - (ii) menyalin perisian milik Kumpulan WTC dari satu peranti ke peranti lain tanpa kebenaran bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu; dan
 - (iii) memasang perisian tanpa izin atau memuat turun bahan yang tidak berkaitan dengan kerja ke dalam Aset yang disediakan oleh Kumpulan WTC.

3. MAKLUMAT KUMPULAN WTC

- 3.1 "**Maklumat**" bermaksud apa-apa maklumat yang diberikan kepada Pihak Ketiga oleh atau bagi pihak Kumpulan WTC atau diperolehi oleh Pihak Ketiga berikutan Urusan Perniagaan dan harus termasuk yang berikut tanpa had:
- (i) sebarang maklumat korporat, perniagaan, kewangan, pemasaran, operasi, pekerja, pelanggan, vendor dan pembekal yang dimiliki oleh Kumpulan WTC;

- (ii) harta intelek yang dimiliki atau dikawal oleh Kumpulan WTC seperti hakcipta, tanda niaga, tanda khidmat, reka bentuk perindustrian, paten, rahsia perdagangan;
 - (iii) maklumat teknikal, perisian, data, pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan perniagaan, kontrak dan operasi Kumpulan WTC;
 - (iii) apa-apa maklumat sulit Kumpulan WTC termasuk apa-apa maklumat yang diklasifikasikan sebagai sulit pada masa pendedahan atau yang secara nyata bersifat sulit; dan
 - (iv) apa-apa data peribadi iaitu apa-apa maklumat yang diberikan oleh Kumpulan WTC kepada Pihak Ketiga yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu yang dikenali atau boleh dikenali daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat lain yang diberikan oleh atau yang dimiliki oleh Kumpulan WTC.
- 3.2 Semua Maklumat yang diberikan oleh Kumpulan WTC kepada Pihak Ketiga adalah sulit, tanpa mengira bentuk dan kaedah komunikasinya dan sama ada Maklumat tersebut ditandakan sebagai "sulit" atau tidak.
- 3.3 Pihak Ketiga hendaklah melindungi semua Maklumat, memastikan ia selamat dan memberi akses terhad dan terkawal kepada pihak yang berkaitan berdasarkan keperluan untuk mengetahui, bagi melaksanakan fungsi pekerjaan mereka dalam Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC.
- 3.4 Pihak Ketiga hanya boleh menggunakan Maklumat tersebut semata-mata untuk Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC dan demi kepentingan terbaik Kumpulan WTC. Pihak Ketiga tidak boleh mendedahkan Maklumat kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu atau menggunakan Maklumat tersebut untuk apa-apa keuntungan peribadi mereka sendiri.
- 3.5 Kewajipan sulit untuk melindungi Maklumat akan terus berkuat kuasa walaupun selepas tamat tempoh kontrak atau penamatan kontrak atau pemberhentian hubungan perniagaan antara Kumpulan WTC dengan Pihak Ketiga.

4. MAKLUMAT PIHAK KETIGA

- 4.1 Pihak Ketiga tidak boleh menyalah nyata atau memalsukan apa-apa maklumat yang dikemukakan kepada Kumpulan WTC termasuk maklumat dan data peribadi seperti rekod teknikal, operasi, kualiti, keselamatan dan kakitangan serta sebarang bentuk rekod kewangan. Maklumat ini mestilah benar, tepat dan lengkap. Secara khususnya, rekod dan akaun kewangan mesti menggambarkan semua transaksi dan pembayaran yang dibuat dengan tepat serta mematuhi kawalan dalaman yang betul dan prinsip perakaunan mandatori.
- 4.2 Pihak Ketiga mesti memproses dan menyimpan rekod yang betul bagi semua dokumentasi dan rekod yang berkaitan dengan hubungan Pihak Ketiga dengan Kumpulan WTC menurut undang-undang dan peraturan yang terpakai serta keperluan yang dikenakan oleh Kumpulan WTC dari semasa ke semasa.

5. PELANGGAN KUMPULAN WTC

- 5.1 Kumpulan WTC menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggannya dengan penuh kejujuran dan integriti. Oleh itu, semua bahan pemasaran atau pengiklanan serta kandungannya yang berkaitan dengan Kumpulan WTC mestilah tepat, benar dan tidak mengelirukan.

- 5.2 Dalam sebarang interaksi dan urusan dengan pelanggan Kumpulan WTC bagi pihak Kumpulan WTC, Pihak Ketiga mestilah pada setiap masa, (i) memastikan kualiti produk atau perkhidmatan mereka, (ii) mengekalkan profesionalisme serta standard etika dan perniagaan yang tertinggi, dan (iii) mematuhi semua keperluan kualiti dan keselamatan yang diperuntukan oleh undang-undang dan badan pengawal selia.

6. **MEDIA**

- 6.1 Untuk memastikan maklum balas yang profesional dan konsisten, jika Pihak Ketiga menerima sebarang pertanyaan daripada media atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan Kumpulan WTC, Pihak Ketiga hendaklah mengemukakan kepada Kumpulan WTC dan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Kumpulan WTC terlebih dahulu sebelum memberi maklum balas dan/atau mendedahkan sebarang Maklumat Kumpulan WTC (termasuk penganalisis kewangan dan pemegang saham Kumpulan WTC) kepada media.

7. **MENJAGA REPUTASI KUMPULAN WTC**

- 7.1 Kumpulan WTC tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan atau bekerjasama dengan mana-mana pihak yang akan atau berkemungkinan merosakkan imej dan reputasinya.
- 7.2 Kumpulan WTC akan mengelak daripada menjalankan perniagaan dengan mana-mana Pihak Ketiga yang melanggar undang-undang dan peraturan yang digunakan. Pihak Ketiga tidak boleh melakukan apa-apa tindakan yang dilarang oleh undang-undang yang terpakai, peraturan dan/atau Tatakelakuan ini.

8. **KONFLIK KEPENTINGAN**

- 8.1 Semua keputusan perniagaan dan tindakan Pihak Ketiga dalam Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC mesti dibuat dengan mengambil kira kepentingan terbaik Kumpulan WTC dan tidak boleh dipengaruhi oleh pertimbangan atau hubungan peribadi.
- 8.2 Pihak Ketiga mesti menyatakan secara bertulis kepada Kumpulan WTC sebarang konflik kepentingan atau potensi konflik kepentingan. Sebarang hubungan yang wujud antara Pihak Ketiga dengan pekerja, pembekal, pengedar, peniaga, kontraktor, pesaing (bakal atau sedia ada), atau pengawal selia Kumpulan WTC, mesti dinyatakan secara bertulis kepada Kumpulan WTC.

9. **ANTI SOGOKAN & RASUAH**

- 9.1 Kumpulan WTC komited untuk menjalankan perniagaannya secara profesional, beretika dan dengan standard integriti yang tertinggi. Kumpulan WTC mengamalkan dan mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk sogokan dan rasuah serta sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan anti sogokan dan rasuah yang terpakai ("**Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai**"). Oleh itu, adalah penting bagi Pihak Ketiga untuk mematuhi, menegakkan dan menjalankan perniagaannya mengikut Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai.
- 9.2 Kumpulan WTC telah menetapkan Polisi Anti Sogokan dan Rasuah (yang boleh didapati dari <https://www.warisantc.com.my/>) dan sistem Kumpulan WTC ("**Keperluan ABAC**") untuk menyatukan dan mengurus elemen, dasar, objektif dan proses berhubung dengan risiko sogokan dan rasuah dalam Kumpulan WTC. Semua Pihak Ketiga hendaklah mematuhi Keperluan ABAC

dan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai apabila berurusan dengan Kumpulan WTC. Pihak Ketiga hendaklah menghadiri latihan pencegahan rasuah yang disediakan oleh Kumpulan WTC yang merangkumi latihan ulang kaji dan mematuhi keperluan pencegahan rasuah lain yang mungkin dinasihatkan oleh Kumpulan WTC dari semasa ke semasa.

9.3 Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Pihak Ketiga untuk menjalankan semakan dan penilaian berkala untuk memahami risiko sogokan dan rasuah serta memastikan bahawa mereka mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menangani risiko tersebut dan bahawa prosedur tersebut sentiasa dikemas kini dan kekal efisien dan berkesan.

9.4 Dalam berurusan dengan Kumpulan WTC, atau berurusan untuk atau bagi pihak Kumpulan WTC, Pihak Ketiga hendaklah:

- (i) mematuhi dan memastikan bahawa Ahli Gabungan, pekerja, pegawai, pengarah atau pihak ketiga yang diberi kuasa lain yang bertindak bagi pihak Pihak Ketiga atau di bawah penyeliaan, jagaan atau pengurusan mereka, mengetahui dan akan mematuhi semua peruntukan yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini dan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai;
- (ii) berkelakuan dan bertindak secara telus, profesional dan beretika selaras dengan Tatakelakuan ini;
- (iii) menjalankan semua usaha wajar yang diperlukan sebelum berurusan dengan mana-mana pihak ketiga lain yang diluluskan oleh Kumpulan WTC secara bertulis untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut atau menjalankan perniagaan dengan Kumpulan WTC; dan
- (iv) mengekalkan buku dan rekod yang tepat berkaitan Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC.

Bagi tujuan Tatakelakuan ini, "**Ahli Gabungan**" bermaksud yang berkenaan dengan entiti, mana-mana entiti yang: (i) dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh; (ii) mengawal secara langsung atau tidak langsung; atau (iii) berada di bawah kawalan bersama dengan entiti tersebut; dan "kawalan" bagi tujuan definisi ini bermakna mempunyai kepentingan lima puluh peratus (50%) atau lebih dalam modal syer yang diterbitkan oleh entiti yang lain.

9.5 Kumpulan WTC tidak membenarkan atau bertolak ansur dengan sebarang amalan perniagaan yang tidak mematuhi Tatakelakuan atau Undang-Undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai. Oleh itu, Pihak Ketiga dikehendaki menyemak semula amalan perniagaan masing-masing secara berkala, dan jika terdapat ketidaksesuaian dengan Tatakelakuan ini, Keperluan ABAC dan/atau Undang-Undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai, Pihak Ketiga hendaklah memaklukkannya kepada Kumpulan WTC dengan segera.

9.6 Pihak Ketiga mesti segera melaporkan sebarang sogokan dan rasuah yang sebenar atau yang disyaki kepada Kumpulan WTC melalui saluran yang dinyatakan dalam Seksyen 1.6 Tatakelakuan ini supaya Kumpulan WTC dapat menyiasat dan mengambil tindakan yang sesuai terhadap pelaku.

9.7 Sekiranya penyiasatan atau prosiding ke atas kemungkinan berlakunya pelanggaran atau ketidakpatuhan Keperluan ABAC dan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai dijalankan, sama ada yang dimulakan atau yang ditimbulkan oleh Kumpulan WTC atau pihak berkuasa yang berkaitan, Pihak Ketiga mesti bekerjasama dengan Kumpulan WTC dan memberi segala bantuan yang diperlukan oleh Kumpulan WTC. Pihak Ketiga tidak boleh mendedahkan atau membincangkan fakta bahawa penyiasatan sedang dijalankan atau telah dijalankan dan tidak boleh mendedahkan siasatan kepada sesiapa kecuali jika dikehendaki oleh undang-undang.

10. HADIAH

- 10.1 Umumnya, amalan memberi atau menerima hadiah adalah dilarang sama sekali melainkan kelulusan bertulis daripada Kumpulan WTC mengikut Keperluan ABAC yang telah diperolehi.

11. LAYANAN BAIK & KERAIAN

- 11.1 Kumpulan WTC mengakui bahawa sudah menjadi amalan biasa untuk menyediakan layanan baik dan keraian yang sederhana bagi membina dan memupuk hubungan perniagaan. Walau bagaimanapun, semua layanan baik dan keraian yang ditawarkan dan diterima oleh Pihak Ketiga mestilah tanpa diminta dan tidak dianggap sebagai sogokan.
- 11.2 Semua Pihak Ketiga dilarang sama sekali daripada menawarkan atau menerima layanan baik dan keraian yang berlebihan, tidak sesuai, menyalahi undang-undang, atau dengan niat untuk memperoleh keputusan perniagaan yang memuaskan. Semua layanan baik dan keraian yang ditawarkan kepada Kumpulan WTC haruslah diluluskan atau ditolak oleh Kumpulan WTC secara bertulis, mengikut Keperluan ABAC.

12. SUMBANGAN & PENAJAAN

- 12.1 Mana-mana Pihak Ketiga tidak dibenarkan membuat sebarang sumbangan (termasuk sumbangan politik) dan tajaan kepada mana-mana pihak bagi pihak Kumpulan WTC, melainkan sumbangan atau tajaan tersebut diluluskan secara bertulis oleh Kumpulan WTC menurut Keperluan ABAC.

13. BAYARAN KEMUDAHAN & PEMERASAN

- 13.1 Semua Pihak Ketiga dilarang sama sekali daripada menerima atau memberikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebarang pembayaran kemudahan dan pemerasan semasa melaksanakan kewajipan mereka dalam Urusan Perniagaan.
- 13.2 "Bayaran kemudahan" ialah pembayaran yang tidak sah atau tidak rasmi yang dibuat demi balasan untuk perkhidmatan yang sepatutnya diterima oleh pembayar tanpa perlu membuat pembayaran tersebut. "Pemerasan" ialah tuntutan memenuhi kepuasan sama ada atau tidak dengan ancaman jika permintaan itu ditolak.

14. BERURUSAN DENGAN PEGAWAI AWAM

- 14.1 Bagi tujuan Tatakelakuan ini, "**Pegawai Awam**" merangkumi:
- (i) mana-mana pegawai awam yang dipilih atau dilantik (contohnya, seorang penggubal undang-undang atau ahli kementerian Kerajaan);
 - (ii) mana-mana pekerja atau individu yang bertindak untuk atau bagi pihak Pegawai Awam, agensi atau perusahaan yang menjalankan fungsi kerajaan, atau yang dimiliki atau dikawal oleh Kerajaan;
 - (iii) mana-mana pegawai parti politik, calon untuk jawatan awam, pegawai atau pekerja atau individu yang bertindak untuk atau bagi pihak parti politik atau calon untuk jawatan awam;

- (iv) mana-mana pekerja atau individu yang bertindak untuk atau bagi pihak organisasi antarabangsa awam;
- (v) mana-mana ahli kerabat diraja atau anggota tentera; dan
- (vi) mana-mana individu yang dikategorikan sebagai Pegawai Awam di bawah undang-undang.

"**Kerajaan**" termasuk semua peringkat dan subbahagian kerajaan (iaitu, tempatan, serantau, atau kebangsaan dan pentadbiran, perundangan, atau eksekutif).

14.2 Semasa berurusan dengan Pegawai Awam:

- (i) semua urusan Pihak Ketiga dengan Pegawai Awam dan kontrak-kontrak yang berkaitan mesti dilaporkan kepada Kumpulan WTC;
- (ii) Pihak Ketiga yang berurusan dengan Pegawai Awam bagi pihak Kumpulan WTC bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai termasuk Undang-undang Pencegahan Rasuah yang Terpakai;
- (iii) Pihak Ketiga dijangka bekerjasama dengan permintaan maklumat daripada agensi Kerajaan dan pengawal selia, serta mendapatkan nasihat daripada Kumpulan WTC sebelum memberi maklum balas kepada sebarang permintaan;
- (iv) semua maklumat yang diberikan kepada Pegawai Awam mestilah betul, tepat dan tidak mengelirukan; dan
- (v) Pihak Ketiga tidak boleh mengubah atau memusnahkan sebarang dokumen dan rekod sebagai tindak balas kepada siasatan atau permintaan sah daripada Pegawai Awam.

15. FRAUD

15.1 Pihak Ketiga bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan segera melaporkan sebarang insiden fraud yang disyaki, pemalsuan rekod, atau penyelewengan lain dalam Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC melalui saluran yang dinyatakan dalam Seksyen 1.6 Tatakelakuan ini, supaya Kumpulan WTC dapat menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelaku. Pihak Ketiga juga harus menetapkan piawaian dan prosedur untuk mencegah dan mengesan penyelewengan.

15.2 Fraud merujuk kepada sebarang penyelewengan atau kepelikan yang disyaki berkaitan dengan perniagaan atau pekerja Kumpulan WTC, atau kontraktor, vendor atau individu lain yang menyediakan perkhidmatan atau barangan kepada Kumpulan WTC. Contoh fraud atau "kepelikan" termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (i) pemalsuan dan pengubahan dokumen;
- (ii) penyalahgunaan, pemusnahan atau kehilangan dana, inventori, bekalan, atau aset lain, sama ada secara ketara atau tidak ketara;
- (iii) ketidakpatuhan dalam pengendalian atau pelaporan transaksi kewangan;
- (iv) masukan atau laporan yang palsu, rekaan, atau mengelirukan;
- (v) memberikan kenyataan palsu atau mengelirukan kepada pihak yang menjalankan

penyiasatan penyelewengan;

- (vi) mencuri aset seperti peralatan, bahan habis pakai atau bekalan, wang tunai, maklumat, harta intelek dan bayaran balik pampasan pekerja;
- (vii) menggunakan aset, maklumat, atau perkhidmatan tanpa kebenaran, termasuk komputer, kenderaan bermotor, perkhidmatan pejabat dan sokongan lain, maklumat sulit, peralatan seperti mesin fotostat, telefon, dan mesin faks, serta nama atau logo Kumpulan WTC, contohnya, penggunaan kepala surat atau kad akses;
- (viii) pemalsuan rekod maklumat seperti lembaran masa, tuntutan perjalanan; atau
- (ix) manipulasi program komputer untuk tujuan yang tidak wajar seperti kelulusan pembayaran, pengalihan hasil dan menghapuskan hutang tanpa kebenaran.

15.3 Pihak Ketiga mesti bekerjasama dengan apa-apa penyiasatan dan memberikan maklumat yang tepat dan benar.

16. **ALAM SEKITAR, KESIHATAN, KESELAMATAN & BURUH**

16.1 Semua Pihak Ketiga, semasa menyediakan skop kerja, perkhidmatan atau barangan yang berkaitan kepada Kumpulan WTC, hendaklah:

- (i) memastikan persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua orang, termasuk orang awam dan kakitangan Kumpulan WTC, dan mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai serta semua dasar, prosedur, sistem, proses dan keperluan Kumpulan WTC yang berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan & keselamatan ("EHS");
- (ii) jika dijemput, hendaklah menghadiri taklimat kesedaran EHS (jika ada) yang dianjurkan oleh Kumpulan WTC;
- (iii) mewujudkan dasar, langkah-langkah dan prosedur yang berkaitan dengan EHS; dan
- (iv) memberikan latihan kepada kakitangan mereka yang bertanggungjawab melaksanakan Urusan Perniagaan dengan Kumpulan WTC.

16.2 Pematuhan perkara Alam Sekitar

- (i) Sepanjang tempoh Urusan Perniagaan, Pihak Ketiga hendaklah, pada masa yang sama, memastikan kakitangannya, wakil, Ahli Gabungan, vendor, kontraktor, sub-kontraktor dan ejen (jika ada) ("**Orang Bersekutu**") mematuhi semua Undang-undang Alam Sekitar yang terpakai, dan jika dikehendaki oleh Undang-undang Alam Sekitar yang berkaitan, Pihak Ketiga mesti mendapatkan semua Kelulusan Alam Sekitar yang diperlukan dan memastikan ia terus berkesan sepanjang tempoh Urusan Perniagaan dan menyerahkan salinan Kelulusan Alam Sekitar berkenaan kepada Kumpulan WTC.
- (ii) Bagi tujuan Urusan Perniagaan ini:
 - (a) "**Kelulusan Alam Sekitar**" hendaklah merangkumi tetapi tidak terhad kepada apa-apa permit, kebenaran, lesen, kelulusan dan/atau apa-apa pemberikuasaan lain yang diperlukan di bawah Undang-undang Alam Sekitar yang perlu diperolehi berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan Pihak Ketiga di bawah Urusan Perniagaan.

- (b) **"Undang-undang Alam Sekitar"** hendaklah bermaksud undang-undang yang terpakai (sama ada sivil, jenayah atau pentadbiran), *common laws*, statut, perundangan bawahan, perjanjian, peraturan, arahan, keputusan, undang-undang kecil, surat pekeliling, kod, perintah, notis, tuntutan, dekri, injunksi, resolusi, penghakiman atau ketetapan kerajaan, kuasi kerajaan, kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan, badan berkanun, badan tadbir atau pengawal selia, mahkamah atau agensi berkenaan dengan pencemaran atau perlindungan alam sekitar, kemudaran atau perlindungan kesihatan manusia, haiwan atau tumbuhan, termasuk tetapi tidak terhad kepada undang-undang yang berkaitan dengan:
- (1) kesihatan dan keselamatan orang awam dan pekerja;
 - (2) bunyi, getaran atau sinaran;
 - (3) pelepasan atau pembuangan bahan industri, radioaktif, tosik atau berbahaya, sisa (sama ada dalam bentuk pepejal, separa pepejal atau cecair atau dalam bentuk gas atau wap) dan organisma yang diubah suai secara genetik ke dalam persekitaran; dan
 - (4) penghasilan, pembuatan, pemprosesan, penggunaan, rawatan, penyimpanan, pengedaran, pelupusan, pengangkutan atau pengendalian mana-mana bahan, sisa dan organisma yang disebut dalam sub-(3) di atas.
- (iii) Semua Pihak Ketiga hendaklah menyatakan dan menjamin bahawa tiada tuntutan, tindakan, prosiding, denda, penalti, permintaan dan liabiliti yang belum selesai atau diancam yang berkaitan dengan sebarang isu alam sekitar atau di bawah mana-mana Undang-undang Alam Sekitar yang melibatkan Pihak Ketiga.

16.3 Pematuhan terhadap Hak Asasi Manusia & Hal Buruh

- (i) Sepanjang tempoh Urusan Perniagaan, Pihak Ketiga hendaklah, pada masa yang sama, memastikan Orang Bersekutunya untuk mematuhi, melaksanakan prosedur untuk memantau pematuan dan mencegah pelanggaran semua undang-undang, peraturan dan kaedah-kaedah terpakai yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan hal buruh.
- (ii) Pihak Ketiga menyatakan dan menjamin bahawa:
 - (a) tiada tuntutan, tindakan, prosiding, denda, penalti, permintaan dan liabiliti yang belum selesai atau diancam yang berkaitan dengan mana-mana hak asasi manusia atau pertikaian buruh yang melibatkan Pihak Ketiga; dan
 - (b) ia tidak terlibat dalam sebarang pelanggaran hak asasi manusia dan kelakuan tidak beretika atau terlibat dalam atau berkomplot untuk terlibat dalam apa-apa transaksi yang melarikan diri atau mengelak daripada, atau mempunyai tujuan untuk melarikan diri atau mengelak daripada, atau cuba melanggar, mana-mana larangan yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang hak asasi manusia termasuk tetapi tidak terhad kepada buruh kanak-kanak, buruh paksa, pengabdian dan pemerdagangan manusia.

17. **PELANGGARAN TATAKELAKUAN INI**

- 17.1 Pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Tatakelakuan ini oleh Pihak Ketiga boleh mengakibatkan penamatan kontrak dan/atau Urusan Perniagaan antara Pihak Ketiga dengan Kumpulan WTC tanpa sebarang liabiliti lanjut kepada Pihak Ketiga. Kumpulan WTC boleh
- WTCH/GLCRM/GL/P001 –TATAKELAKUAN PERNIAGAAN UNTUK PIHAK KETIGA_Semakan.0/2023 Muka Surat **10** Dari **11**

menguatkuasakan hak-haknya dan memohon remedi yang tersedia kepadanya di bawah kontrak, di sisi undang-undang, dan/atau dalam ekuiti, termasuk tetapi tidak terhad kepada menahan jumlah pembayaran yang perlu dibayar kepada Pihak Ketiga di bawah Urusan Perniagaan sehingga Pihak Ketiga membetulkan pelanggaran tersebut sehingga Kumpulan WTC berpuas hati dan menolak selesai dengan apa-apa denda/penalti yang dikenakan ke atas Kumpulan WTC atau ganti rugi, kos, dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Kumpulan WTC akibat pelanggaran Pihak Ketiga dalam dokumen ini.

(Halaman ini sengaja dibiarkan kosong)